



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 21 JULAI 2022**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	40,828 HEKTAR PADI MUSNAH AKIBAT BAH, NEGRA, KOSMO -6 PROMOSI, KELANTAN KINI, HAKAKAH -H25 SEKTOR MAKANAN NEGARA HADAPI PELBAGAI CABARN, ONLINE, HAKAKAH DAILY, ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4. 5.	PENCEMARAN NAJIS BABI UNDANG BAHAYA KESIHATAN, UTARA, HAKAKAH -H 18 PENTERNAK DAPAT UNTUNG, PENDUDUK TANGGUNG AKIBAT, UTARA, HAKAKAH - H 18	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
6.	WHO ARE THE 'BLOOD-SUCKING' MIDDLEMAN?, ONLINE, SIN CHEW DAILY, ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7. 8.	SUDAH HAMPIR SEBULAN TAK MAKAN IKAN, NASIONAL, HM -5 PENGARAH LKIM SELANGOR DIDAKWA TERIMA RASUAH RM5000, NASIONAL, BH - 16	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
9.	BINA TALI AIR TANPA PENGETAHUAN PEMILIK TANAH, DALAM NEGERI, UM -30	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
10. 11.	NAFAS SEDIA PERUNTUKAN KEPADA AHLI PPK TERJEJAS BANJIR, NASIONAL, BH -9 NAFAS SALUR PERUNTUKAN RM20,000, NEGARA, KOSMO -17	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
12.	HASILKAN 100KG MI KUNING KELUARAN BUMIPUTERA SEHARI, NEGARA, KOSMO - 18	INSTITUT POENYELIDIKAN DSAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24. 25. 26. 27. 28. 29. 30. 31. 32.	KISAH TENTANG TUNTUNG, KURA-KURA DAN LABI-LABI DIBUKUKAN, NEGARA, KOSMO -17 AIR SUNGAI BERTUKAR KERUH, BUSUK, NEGERI MELAKA, SH -22 ALLIGATOR GAR ANCAM SUNGAI PAHANG, NEGARA, KOSMO -14 IKAN PEMANGSA MAMPU BERTELUR SEHINGGA 150,000 BIJI, NEGARA, KOSMO -14 SAMBUNG KONSESI BERNAS LANGKAH TEPAT, DALAM NEGERI, UM -4 PERKASA SEKTOR PERTANIAN SEPERTI ZAMAN PAK LAH, FORUM, UM -19 DULU PEMBORONG KIKI PEMILIK KEBUN, GAYA TANI, UM -26 TERIMA SAMBUTAN LUAR BIASA, GAYA TANI, UM -27 URBAN FARMING ENCOURAGED BUT ONLY VIA PROPER CHANNELS,NEWS, THE STAR -2 2,000HA OF MUSANG KING PLANTATIONS DEVELOPED IN SABAH, NST, THE SUN -4 SEKTOR AGRIKOMODITI RAIH MANFAAT MOMENTUM GLOBAL, NASIONAL, BH -20 TEROKA PELBAGAI PENDEKATAN PERKUKUH BEKALAN MAKANAN, KOMENTAR, BH-11 AZEER RAHIM HARAP MAFI BANTU MANGSA BANJIR BALING, TANAMAN LENYAP 100 PERATUS, ONLINE, UMNO ONLINE, ONLINE PENGELUARAN MAKANAN DI KELANTAN LEBIH SARA DIRI, BULETIN DARUL NAIM, HAKAKAH 3.320.09 HEKTAR TANAH TERBIAR DIUSAHAKAN, LOKAL, HM -19 KERAJAAN PERTAHAN LANJUT TEMPOH KONSESI BERNAS, NASIONAL, BH -5 3,320.09 HEKTAR TRANAH TERBIAR DIUSAHA SEJAK 2006, NASIONAL, BH -22 ISU RANTAIAN BEKALAN MAKANAN ANTARA TRUMPUAB SEWAN RAKYAT HARI INI, ONLINE, BH -ONLINE NO TO PROFANITY, MUKA DEPAN, THE SUN	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

40,828 hektar padi musnah akibat bah

KUALA LUMPUR – Sebanyak 40,828 hektar tanaman padi musnah akibat banjir di Semenanjung Malaysia, manakala 9,336 hektar mengalami kerosakan akibat kemarau sepanjang lima tahun lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Klandee berkata, permasalahan disebabkan oleh perubahan iklim global itu antara cabaran di hadapi sektor agromakanan.

“Perubahan iklim global meningkatkan risiko bencana alam, banjir dan kemarau berpanjangan. Peningkatan suhu, pola hujan yang berubah serta kenaikan aras air laut.

“Pada masa sama pertambahan populasi, produktiviti dan inovasi pertanian yang masih rendah, amalan pertanian tidak mampan, manipulasi orang tengah dalam rantaian pemasaran, kekurangan pelaburan swasta, serangan penyakit dan perosak.

“Tafap penggunaan teknologi dan pertanian pintar yang rendah, kebergantungan ke-

pada pekerja asing dan kekurangan penglibatan orang muda turut menjadi cabaran dalam sektor ini,” katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Ahmad Nazlan Idris (PH-Jerantut) tentang cabaran dihadapi sektor agromakanan untuk memastikan rantaian bekalan makanan negara stabil.

Terdahulu, Ronald berkata, Malaysia tidak terkecuali menerima tempas daripada penularan Covid-19, dasar perlindungan yang diamalkan beberapa buah negara serta konflik Rusia-Ukraine yang memberi kesan kepada rantaian bekalan makanan dunia.

Katanya, peningkatan inflasi turut memberi kesan terhadap kitaran pengeluaran bahan makanan disebabkan kenaikan harga termasuk input pertanian seperti baja dan racun selain kenaikan kos logistik.

“Isu kekurangan sumber asli seperti kawasan tanah yang terhad juga antara cabaran dihadapi dalam sektor agromakanan,” ujarnya.



GAMBAR fail menunjukkan Sabri Yusoff, 55, memegang padi yang musnah akibat banjir di Tanjung Kling, Melaka pada 20 Mei 2021.

TARIKH

21/7/2022

MEDIA

HARAKAH

RUANGAN

KELANTAN

MUKA
SURAT

H 25

KINI



PROMOSI. Menteri Pertanian dan Industri Makanan Dato' Seri Dr Ronald Kiandee bersama timbalannya Dato' Dr Nik Zawawi Salleh dan Dato' Seri Ahmad Hamzah ketika promosi MAHA 2022 di MRT Sungai Buloh.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/7/2022	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Sektor makanan negara hadapi pelbagai cabaran

July 20, 2022



Perubahan iklim beri kesan terhadap sektor agromakanan negara.
Oleh **SYAHIRAH SALLEH**

KUALA LUMPUR: Sebanyak 40,828 hektar tanaman padi musnah akibat banjir di Semenanjung Malaysia, manakala 9,336 hektar rosak akibat kemarau sepanjang tempoh 2017 hingga tahun lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, perubahan iklim telah meningkatkan risiko kejadian bencana.

Advertisement

Selain perubahan iklim, katanya penularan Covid-19, peningkatan inflasi, pertambahan populasi dan kekurangan sumber asli adalah kekangan yang dihadapi sektor agromakanan.

“Dasar perlindungan yang diamalkan beberapa buah negara akibat pandemik Covid-19 serta konflik Rusia-Ukraine, memberi kesan terhadap rantai bekalan makanan dunia, termasuk Malaysia.

“Peningkatan inflasi juga memberi kesan terhadap kitaran pengeluaran bahan makanan disebabkan kenaikan harga makanan ternakan dan input pertanian, seperti baja dan racun selain kenaikan kos logistik pasca pandemik Covid-19

“Isu kekurangan sumber asli seperti kawasan tanah yang terhad dan semakin berkurangan merupakan antara cabaran yang dihadapi selain perubahan iklim global,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Dato’ Ahmad Nazlan Idris (BN-Jerantut) pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Ahmad Nazlan meminta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyatakan cabaran yang dihadapi sektor agromakanan negara dalam memastikan rantai bekalan makanan negara stabil dan lancar.

Menurut Ronald, penambahan populasi, produktiviti dan inovasi pertanian yang rendah, amalan pertanian yang tidak mampan, manipulasi orang tengah dalam rantai pemasaran dan kekurangan pelaburan swasta juga menjadi kekangan sektor agromakanan negara.

Katanya, serangan penyakit dan perosak, penggunaan teknologi dan pertanian pintar yang rendah, kebergantungan kepada pekerja asing dan kekurangan penglibatan golongan muda turut menjadi cabaran dalam sektor berkenaan.

Bagi menghadapi cabaran itu, katanya MAFI akan terus melaksanakan strategi mengikut Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025.

Tindakan itu, katanya bagi mendepani cabaran sekuriti makanan secara inklusif supaya sistem makanan negara lebih berdaya tahan dan mampan.

“Dalam hal ini, usaha-usaha untuk memperkukuh sekuriti makanan akan terus diperkasa menerusi kerjasama dan kolaborasi strategik semua pihak.

“Usaha ini bagi meningkatkan tahap pengeluaran makanan negara dan memantapkan rantai bekalan makanan demi kesejahteraan Keluarga Malaysia,” katanya. –

HARAKAHDAILY 20/7/2022

Pengeluaran makanan di Kelantan lebih sara diri

Oleh AIN MANAF

LANGKAH Kelantan memberi tumpuan sebagai negeri Jelapang Makanan Negara sejak awal 1990-an, kini membuahkan hasilnya dengan mengambil kira data Status Kadar Sara Diri (SSL) 2020.

Status SSL 2020 bagi sumber makanan iaitu beras ialah 208 peratus, kelapa (196 peratus), daging kambing, bebiri (190 peratus), buahan (117 peratus), sayur (98 peratus) dan ikan (93 peratus).

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, pengeluaran beras, buahan dan kambing melebihi tabap sara diri penduduk di negeri itu.

"Usaha tersebut menyelamatkan Kelantan dalam menghadapi situasi kekurangan bekalan makanan sekiranya berlaku krisis," katanya ketika menjawab soalan Rohani Ibrahim (PAS-Tanjong Mas) pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan ke-14 di Kota Darulnaim Isnin lepas.

Bagaimanapun bagi melaksanakan lagi usaha tersebut kerajaan negeri mengambil langkah proaktif dengan menubuh Jawatankuasa Induk Sekuriti Makanan.

Jawatankuasa itu ditubuh pada 11 Mei 2022 dipengerusi-

kan Menteri Besar Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob.

Selain itu Jawatankuasa Kerja Sekuriti Makanan Negeri dipengerusikan Setiausaha Kerajaan negeri Dato' Nazran Muhammad.

Jawatankuasa berkenaan melibatkan pelbagai agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan wakil dari Institusi Pendidikan Tinggi berperanan memperhalusi isu-isu berkaitan dan langkah penyelesaian bagi menangani isu berbangkit.

Tuan Mohd Saripudin juga berkata, kerajaan negeri turut mengambil beberapa langkah bagi menjamin sekuriti bekalan makanan sentiasa mencukupi.

Antaranya menyediakan peruntukan khas sebanyak RM10 juta melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan bagi pelaksanaan projek temakan ayam pedaging tertutup semi automatik dan penternakan lembu secara integrasi di ladang sawit.

"Kita turut mempergiatkan kempen penglibatan masyarakat dalam sektor pertanian, penternakan dan perikanan seperti Program Dapur Hijau, Kempen Seed Community, Kempen Penghasilan dan penyimpanan benih tanaman.

"Selain itu membangunkan program Pembangunan Makanan Ternakan Alternatif Al Falah di Dun sasaran se-



Program melabuh lukan tiruan di perairan Tok Bali Pasir Puteh.

bagai pusat penghasilan makanan alternatif komuniti," katanya.

Sementara itu bagi meningkatkan sumber perikanan kerajaan negeri menyalurkan pelbagai jenis bantuan kepada nelayan tempatan.

Antaranya peralatan menangkap ikan seperti enjin galah, menggalakkan penggunaan teknologi Sistem Penentuan kedudukan Sejagat (GPS) kepada nelayan pantai negeri Kelantan.

Selain itu bantuan peralatan teknologi, besen plastik dan kerek telaga bagi menternak ikan hiasan. Bantuan lain yang disalurkan kepada nelayan iaitu pukot, sangkar, tong pelampung, kayu, dan besi.

Turut disalurkan peranti pengumpulan ikan (unjam) bagi komuniti perikanan khususnya untuk meningkatkan sumber perikanan di Pasir Puteh, Bachok, Kota Bharu dan Tumpat.

Manakala bagi penternakan ikan air payau dan air tawar diagih benih ikan kap kepala



Penduduk menerima benih kelapa pada program 'Tane Nyor Al Falah di Dun Pasir Tumbuh.

besar bersaiz 3-4 inci, benih ikan siakap dan benih udang galah.

Sehingga sekarang jumlah nelayan yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan sehingga tahun 2020 berjumlah 5,500 orang meliputi jajahan Kota Bharu, Tumpat, Bachok dan Pasir Puteh.

Tuan Mohd Saripudin berkata, jumlah nelayan di jaja-

han Kota Bharu yang berada di Zon A, B, C seramai 726 orang, manakala di Tumpat pula yang berada di Zon A, B dan C, C2 seramai 1,126 orang.

Di jajahan Bachok pula jumlah nelayan di Zon A, B dan C, C2 seramai 1,040 orang. Di Pasir Puteh jumlah nelayan 2,608 orang merangkumi jumlah nelayan di Zon Zon A, B dan C serta C2.



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail dan Adun Jelawat Abdul Azziz Kadri menyertai Program Igat Ike Dale Baruh di Pak Mali, Gunong, Bachok.



21 JUL, 2022

Who are the 'blood-sucking' middlemen?

Sin Chew Daily, Malaysia



微隱於學

宋明家
科学工作者

誰是『吸血鬼』中間人？

在首相和政府團隊的眼里，“中間人”是代表日漸 嚴苛 吸血鬼的代號，所以要公告天下“向中間人宣戰”。

早在2014年依地亞沙比利任職農業部長的時候，“清丈中間商之爭戰”，就是他的偉大創舉。這新和旧的“宣戰”，差別只是把取代中間人角色的聯邦農業銷售局（FAMA），改為大馬合作者組織（Angkasa）。

八年前信誓旦旦要撲殺農、漁和畜牧業的“中間商”，現在情況如何？以下媒體報道告訴了我們答案：

- 2022年6月9日：農業部長羅納達迪說為日絕“中間人”影響，將設立更多農產品收集中心。
- 2022年6月7日：大馬漁業發展機構IKM主席說“中間人”集團卑鄙漁民，主導我國漁業供應。
- 2022年5月19日：相良恩恩忠信說大企業“中間人”承租政府農地再分段轉租給小農的問題嚴重。
- 2020年12月9日：北馬稻農說他自被逼向“中間人”購買更昂貴的稻種來播種（稻農朋友說2022年問題依旧嚴重）。

這意味所謂“宣戰”，都是政客自己講自己爽。愚弄而非小民的政治說辭。

事實上，中間人无所不在，也无法不在。

很多人不自覺的是，自己原來也是現代消費主義社會的其中一個“中間人”；除了傳統意義上買和賣之間的零售商、代理商、批發商、零售商、銷售代表，“中間人”行業也包括房地產中介、股票經紀、金融顧問、保險代理、貸款經紀，還有 Lazada、Shopee、淘寶這些平台；甚至律師、醫生、教授、工程師、記者等專業，在有些時候也扮演“中間人”角色。美國2010年報告說三分一GDP來自四大中間人領域：零售、批發、金融和保險。專業和商業服務，而這數據是逐年增長的（1999年只達四分之一）（參見2011年《Journal of Legal Analysis》期刊論文：<https://doi.org/10.1093/jla/3.1.265>）。

少了中間人，“卖方-中間人-买方”這三端結構就會崩潰；屆時，各式物品無法橫跨全國（FAMA和Angkasa都無法办到這一點），消費者就無法享有更多選擇、更多便利、更高水平的生活品質。

很明顯的，政府要宣戰的，不是為民眾帶來更好生活、斷視窮卑的“中間人”，而是牟取暴利、使物價高漲的“吸血鬼”中間人。

Martina Kukovskiy 所著《The Middleman Economy》一書（2015年 Palgrave Macmillan New York 出版），借用美國 Princeton University 心理學家 Susan Fiske 的“社會知覺”（Social Perception，亦即人們如何形成對某些群體的印象和知覺）（引2016年12月《TRENDS in Cognitive Sciences》論文）概念，從能力和心態兩個視角，詳細解釋四種中間人：

- (1) 吸血鬼（Parasite）：生產力和服務能力低（low competence），不近人情（low warmth）；作者形容這些人為吸血鬼、水蛭等令人嫌惡和鄙視的寄生蟲。
- (2) 伙伴（Partner）：能力強、態度友善；令人喜愛。
- (3) 寵物（Pet）：能力低、態度友善；使人心生遺憾、同情。
- (4) 掠奪者（Preyator）：能力強、不近人情；令人怨怒。

這四類中間人的共同點，是“提供消費者所需便利、附加價值和服務”，包括各系產品和價格的比較、分享產品資訊（甚至廠家沒提供的資訊）、完善的運輸服務、品質保證和售後服務、乾柴烈火的視頻等附加價值。

其中“吸血鬼”和“掠奪者”，應該就是首相心心念念想要清丈的、把快樂建在M40M40痛苦上的中間人“奸商”。

這些“吸血鬼”和“掠奪者”藏在哪裡？舉個例子，肉肉價格高漲，在當今大部分畜牧業領域都牽涉中間人的后花園時代，政府如何辨識、驅出這些“奸商”？

即使是新近成軍的“抗通脹爭戰特戰隊”，成員也都是部長（通訊部、財政部、農業部、國內原產部、首相署經濟事務部）、政府首席秘書和高官們；沒有（商業界代表的指引，若尊處代的官老爺們，知道“吸血鬼”和“掠奪者”躲在裡哪嗎？

更糟的是，政府首腦機構本身就藏有眾多“吸血鬼”和“掠奪者”。一些部門採購過程往往莫名其妙委託中間人代理，使價格翻倍、浪費公款。製造業及零售業之余，還醞釀公務部門裙帶風、濫發和貪污文化；還有，也別忘了那些穿著AP人口灌灌導致官商勾結、壟斷各系市場的中間人。

首相想為人民出頭向中間人宣戰，除了向工商界請教“吸血鬼”和“掠奪者”藏藏處、制定良好政策、高強監督市場清場之外，也請記得清丈公務系統里，那些沒有必要的官委中間人。



21 JUL, 2022

Who are the `blood-sucking` middlemen?

Sin Chew Daily, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

微隱於學

宋明家科学工作者在首相和政府团队的眼里。“中间人”是代表丑陋、敲诈、吸血鬼的代号，所以要公告天下向中间人宣战”。早在2014年依斯迈沙比利任职农业部长的时候，“消灭中间商之圣战”，就是他的伟大创举。这新和旧的“宣战”，差别只是把取代中间人角色的联邦农业销售局 (FAMA),改为大马合作者组织 (Angkasa)八年前信誓旦旦要摆脱农、渔和畜牧业的中间商，现在情况如何？以下媒体报道告诉了

Column: In the eyes of the Prime Minister and the government team, `middleman` is a code for ugly, blackmailing, blood-sucking, so a proclamation should be made to the world and declare war on the middlemen. Without the guidance of the representatives of business and industry, do the pampered officials who formed the Jihad Against Inflation Special Task Force (comprising ministers including Chief Secretary to the Government) know where the `vampires` and `plunderers` are hiding?

Sudah hampir sebulan tak makan ikan

Baling: “Sudah hampir sebulan kami sekeluarga tidak dapat makan ikan kerana harganya terlalu mahal. Kami pilih makan ayam kerana ia boleh dibahagikan kepada anak-anak,” kata mangsa banjir, Fazilah Md Zin, 41.

Dia yang berasal dari Kampung Belakang Sekolah, Kupang berkata, keluarganya masih lagi trauma dengan kejadian yang berlaku pada 4 Julai lalu, menye-

babkan rumah mereka dinaiki air hingga mencecah bumbung.

Menurutnya, selepas kejadian itu keluarganya tinggal sehelai sepinggang sehingga untuk membeli makanan bagi diberikan kepada enam anaknya semakin sukar.

“Suami hanya bergantung rezeki kepada pendapatan menjual ulam di sekitar pekan Kupang, hasil yang diperloehi memang tidak me-

mentu setiap bulan dan kami tidak dapat berniaga sejak banjir melanda.

“Lima anak masih bersekolah dan seorang lagi baru berusia tiga tahun, bagi menjimatkan sumber kewangan yang terhad, saya beli ayam satu kilogram yang boleh dipotong lebih kecil dan lebih banyak isi berbanding ikan,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Terdahulu, Pengarah

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kedah Dr Abd Salim Tajudin hadir menyampaikan sumbangan ikan dan asas kepada mangsa yang terjejas akibat bencana yang berlaku awal bulan lalu.

Fazilah berkata, keluarganya kini bergantung hidup kepada bantuan bulanan RM400 daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) selain bantuan lain selepas terjejas akibat banjir.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/7/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

Pengarah LKIM Selangor didakwa terima rasuah RM5,000

Shah Alam: Seorang pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menerima suapan wang tunai RM5,000, kononnya sebagai balasan melantik pembekal melaksanakan kerja-kerja membekal benih, baja dan racun, dua tahun lalu.

Khusairi Husain, 56, sebagai Pengarah LKIM Selangor didakwa menerima untuk dirinya iaitu wang tunai RM5,000 daripada seorang pengurus sebuah badan berkanun cawangan Klang yang dia ketahui badan itu ada kena-mengena dengan tugasannya rasminya.

Beliau mengaku tidak bersalah terhadap tuduhan itu.

Khusairi membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Muhammad Anas Mahadzir.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut seksyen sama.

Sabit kesalahan tertuduh boleh dipenjarakan selama tempoh yang boleh sampai dua tahun atau dengan denda, atau kedua-duanya.



Suspek dibawa ke Mahkamah Sesyen, Shah Alam, semalam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

Khusairi didakwa melakukan kesalahan itu di Pejabat Persatuan Nelayan Kawasan Sungai Besar, Sabak Bernam pada 24 November 2020.

Tawar jaminan RM10,000

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Irna Julieza Maaras menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin beserta syarat tambahan pasport dise-

rahan kepada mahkamah sehingga kes selesai dan melaporkan diri di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada setiap 1 hari bulan.

Tertuduh yang diwakili Peguam Noor Adzrie Mohd Noor memohon wang jaminan dikurangkan kerana Khusairi adalah penanggung tunggal keluarga yang mana tiga daripada empat anaknya masih belajar.

Katanya, jumlah jaminan RM10,000 juga terlalu tinggi dan tidak berpadanan dengan jumlah rasuah yang diambil.

Hakim kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM3,000 dengan seorang penjamin beserta syarat tambahan yang dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 22 Ogos depan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/7/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Bina tali air tanpa pengetahuan pemilik tanah

PASIR MAS: Penduduk di Kampung Padang Belidong di sini mendakwa tanah milik mereka diceroboh sebuah agensi pertanian bagi tujuan pembinaan tali air baharu dan jalan sejak tahun lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, wakil penduduk, Mohd. Rasli Mat Yusof, 52, mendakwa, kejadian itu disedari pada September tahun lalu selepas kerap ke kawasan tersebut melihat tanah sawah miliknya.

Menurutnya, berikutan itu dia dan beberapa penduduk kampung yang juga pemilik tanah di situ meminta pihak berkenaan mengukur semula kawasan tersebut bagi membuat pengesahan.

"Sepatutnya agensi itu memaklumkan kepada pemilik tanah yang juga penduduk kampung terlebih dahulu untuk memastikan sama ada tanah individu atau sebaliknya sebelum membina tali air.

"Pembinaan tali air baharu itu adalah melibatkan sebahagiannya tanah saya dan tiga lagi milik penduduk kam-

pung" katanya ketika ditemui di sini semalam.

Mohd. Rasli memberitahu, sebelum itu kawasan tersebut mempunyai tali air yang sudah berusia 30 tahun.

Katanya, dia dan penduduk kampung juga tidak mengetahui apa masalah yang dihadapi agensi tersebut.

"Saya juga sudah menghantar surat itu kepada agensi tersebut pada Oktober tahun lalu, namun sehingga kini tiada sebarang tindakan diambil. Susulan itu saya membuat keputusan membuat laporan polis.

"Oleh itu saya berharap sangat pihak berkenaan supaya berbuat sesuatu kerana ia melibatkan tanah milik penduduk kampung," jelasnya.

Sementara itu, Lembaga Kemajuan Pertanian Kumbung (KADA) ketika dihubungi mengesahkan pihaknya sudah menjalankan siasatan ke atas dakwaan tersebut dan tindakan susulan akan diambil sebaik sahaja semuanya selesai

Nafas sedia peruntukan kepada ahli PPK terjejas banjir

BALING - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) memperuntukkan sumbangan kira-kira RM120,000 kepada lebih 600 ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Baling yang terjejas dalam kejadian banjir dan kepala air, 4 Julai lalu.

Pengerusi Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, sumbangan yang diterima sebanyak RM200 seorang itu diharap mampu meringankan beban yang ditanggung akibat kerugian dilanda bencana.

Menurutnya, ahli yang terjejas bukan sahaja berdepan-kemusnahan tanaman dan ternakan, malah terdapat mangsa yang hilang penempatan akibat hanyut dibawa arus deras.

"Kita harapkan melalui pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat ini, mangsa sedikit lega akibat kerugian yang ditanggung mereka," katanya



Zamri (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada ahli PPK Baling yang terjejas banjir dan kepala air 4 Julai lalu.



Zamri (dua dari kiri) menyampaikan replika cek berjumlah RM30,000 kepada PPK Baling.

selepas menyampaikan Sumbangan Banjir PPK Baling kepada 150 ahli bernilai RM30,000, di sini pada Selasa.

Jelasnya, baki sumbangan kepada ahli lain akan diserahkan secara berperingkat dalam masa terdekat.

Zamri berkata, setakat ini jumlah kerosakan membabitkan kawasan pertanian dan penternakan masih dalam peringkat banciaan.

"Nafas di peringkat induk sentiasa melihat keperluan ahli yang memerlukan bantuan

termasuk yang ditimpa musibah," katanya.

Menurut beliau, keprihatinan tersebut diyakini menjadi penguat semangat dan motivasi buat ahli yang terjejas untuk bangkit dan cekat dalam menentaskan kehidupan seharian mereka.

Sementara itu, penerima sumbangan, Abd Wahab Samah, 72, dari Kampung Padang Empang, Bukit Iboi berkata, tanaman pisang, kelapa, jagung dan bendi yang diusahakannya seluas kira-kira satu hektar sejak dua tahun lalu musnah akibat banjir.

"Saya berharap sangat jika agensi berkaitan dapat membantu dari segi bahan pertanian atau peralatan.

"Bagaimanapun, kami bersyukur

dengan sumbangan pelbagai pihak dalam usaha membantu memulihkan kehidupan dan ekonomi keluarga," katanya.

Sementara itu, Rosimah Awang Itam, 55, dari Kampung Tanah Peruk, Kupang Mambertahu, setelah 16 hari bencana berlaku, dia kini mahu meneruskan kembali jualan kerpek yang diusahakan sebelum ini.

"Bekalan pisang sebelum ini diperolehi daripada pembekal lain termasuk yang saya tanam secara kecil-kecilan. Malangnya akibat banjir ini, semua tanaman musnah.

"Bantuan wang yang diterima ini sedikit sebanyak membantu kami yang ditimpa musibah," jelasnya.



ROSIMAH



ABD WAHAB

Hasilkan 100kg mi kuning keluaran Bumiputera sehari

KOTA TINGGI – Seorang pemuda sanggup mengeluarkan modal RM40,000 untuk menghasilkan mi kuning keluaran anak bumiputera.

Nurul Hadi Ali, 47, berkata, proses pembuatan mi yang kini diuruskan anak keduanya, Nur-najmuddin, 19, bersama empat pekerja dijalankan di sebuah premis yang disewa di Taman Sri Saujana di sini.

Katanya, dengan kekuatan yang ada, sebanyak 50 hingga 100 kilogram (kg) mi dihasilkan dalam sehari.

"Saya merupakan salah seorang penggemar mi kuning begitu juga anak-anak. Kami mendapati mi kuning di pasaran kebanyakan dibuat oleh orang bukan Bumiputera.

"Jadi apa yang saya lakukan ini adalah melaksanakan tanggungjawab fardu kifayah sebagai orang Islam.

"Alhamdulillah, sambutan yang diterima amat baik

bahkan permintaan melebihi pengeluaran.

"Kebanyakan peniaga suka apabila produk makanan dibuat oleh orang Islam," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Menurut Nurul Hadi, keistimewaan mi kuningnya adalah tidak perlu direbus dan boleh dimakan begitu sahaja kerana kurang bahan pengawet.

Dia turut mengikuti kursus bersama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia untuk mempelajari proses menghasilkan mi kuning tersebut.

Jelasnya, pelbagai cabaran ditempuh termasuk membuat 10 kali penyelidikan dan pembangunan dalam menghasilkan mi kuning yang terbaik.

Nurul Hadi turut memasang impian untuk memperluaskan pasaran mi kuningnya yang kini hanya dipasarkan di sekitar daerah ini.



NURUL HADI (kanan) dan anaknya, Nur-najmuddin menunjukkan mi kuning yang dihasilkan keluarganya di Taman Sri Saujana, KotaTinggi.

Bantu 600 ahli Pertubuhan Peladang Kawasan Baling yang terjejas kepala air

Nafas salur peruntukan RM120,000

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS dan NORLIA RAMLI

BALING - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menyediakan peruntukan kira-kira RM120,000 bagi membantu lebih 600 ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Baling yang menjadi mangsa kepala air dan banjir di Kupang di sini pada 4 Julai lalu.

Pengerusi Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, bantuan berupa wang tunai sebanyak RM200 seorang itu disampaikan kepada ahli terlibat bermula kelmarin.

"Nafas menyampaikan sumbangan tersebut kepada 150 ahli PPK kawasan ini yang terjejas akibat kepala air dan banjir di beberapa kampung di Kupang, baru-baru ini.

"Sumbangan menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini diharapkan dapat meringankan sedikit beban kerugian ditanggung ahli peladang yang dilanda bencana tersebut," katanya kepada pemberita se-

lepas menyampal sumbangan wang tunai serta barangan lain di PPK Baling di sini kelmarin.

Menurut beliau, mangsa yang terlibat bukan sahaja berdepan kemusnahan tanaman atau ternakan, malah harta benda dan kediaman mereka turut rosak.

"Nafas di peringkat induk sentiasa melihat keperluan ahli yang perlu diberi bantuan dengan peruntukan sewajarnya," ujarnya.

Menurut Zamri, pihaknya tidak pernah melupakan hampir sejuta ahli peladang khususnya dari segi menyuntik bantuan kewangan serta memperkasakan pertubuhan peladang untuk terus maju ke hadapan.

"Kita harap dengan penyampalan sumbangan ini dapat memberikan motivasi serta menguatkan semangat ahli peladang untuk bangkit dan ceka dalam meneruskan kehidupan seharisan," jelasnya.

Sementara itu, ahli PPK, Abdul Wahab Samah, 72, dari Kampung Padang Empang, Ibot di sini berkata, dia mengalami kerugian

kira-kira RM61,000 selepas tanaman pisang, kelapa dan jagung seluas satu hektar dushakannya musnah dalam bencana tersebut.

"Tu tidak termasuk kerugian akibat kerosakan harta benda di dalam rumah akibat ditenggelami banjir dengan anggaran kerugian RM40,000," katanya.

Jelas beliau, banyak pihak turut tampil menghulurkan bantuan bagi meringankan beban mangsa termasuk sumbangan wang tunai oleh Nafas.

Seorang lagi ahli, Shamsuri Mohd. Daud, 54, berkata, sumbangan itu sedikit sebanyak dapat meringankan beban keluarga.

"Semua harta benda di dalam rumah rosak, kereta dan dua motosikal juga dihanyutkan arus dalam kejadian itu yang memerlukan banyak perbelanjaan untuk dibaiki," katanya.

Dalam kejadian kepala air dan banjir pada 4 Julai lalu, tiga penduduk termasuk seorang wanita hamil terkorban, manakala lebih 1,000 rumah terjejas.



ZAMRI (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan wang tunai dan barangan kepada ahli PPK pada majlis penyampaian sumbangan bantuan banjir kepada ahli PPK di PPK Kawasan Baling pada kelmarin.



PELF NYOK (kiri) dan Loreta merujuk buku *Tunting, Kura-kura dan Labi-labi Malaysia* di Kemaman semalam.

Kisah tentang tunting, kura-kura dan labi-labi dibukukan

KEMAMAN - Persatuan Pemuliharaan Tunting, Kura-kura dan Labi-labi Malaysia mengambil inisiatif menerbitkan buku tentang reptilia itu bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan generasi muda terhadap reptilia tersebut.

Pengasas bersama Persatuan Pemuliharaan Tunting, Kura-kura dan Labi-labi Malaysia, Dr. Chen Pelf Nyok berkata, buku tersebut mengandungi ilustrasi maklumat kesemua 18 spesies tunting air tawar dan kura-kura

di negara ini.

Beliau berkata, buku *Tunting, Kura-kura dan Labi-labi Malaysia* turut diterbitkan dalam dwibahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

"Selain mempunyai maklumat berkenaan dua reptilia ini, buku berkenaan juga boleh dijadikan buku mewarna bagi menarik perhatian kanak-kanak.

"Ia disasarkan kepada kanak-kanak berusia tujuh tahun ke atas, namun sesuai juga bagi

bacaan golongan dewasa," katanya di sini semalam.

Pelf Nyok berkata, buku tersebut mengambil masa enam bulan yang dihasilkan bersama bekas wartawan, Loreta Shepherd.

Jelas beliau, buku *Tunting, Kura-kura dan Labi-labi Malaysia* berkenaan boleh dibeli di toko buku, Lit Books di Tropicana Avenue, Petaling Jaya, Selangor.

"Ia turut boleh didapati menerusi platform jualan online, Shopee," katanya.

21/7/2022

SINAR
HARIAN
NEGERI
MELAKA

22

Air sungai bertukar keruh, busuk

Petani dan pekebun dakwa alami kerugian akibat pencemaran Sungai Batu

Oleh **NOR FARHANA YACOB MELAKA**

Lebih 50 petani dan pekebun dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Ulang di sini mendakwa mengalami kerugian ribuan ringgit disebabkan air sungai yang tercemar.

Pencemaran Sungai Batu itu didakwa berpunca daripada pelepasan sisa toksik pelupusan sampah berhampiran kawasan pertanian seluas kira-kira 40 hektar itu.

Pengerusi Pekebun Kecil Paya Rumput Jaya, Mohamad Abd Rahman, 60, berkata, sebelum ini air sungai yang mengalir ke kampung mereka jernih namun sumber air utama itu di-

dakwa tercemar dengan bahan kimia sejak lebih tiga tahun lalu. Menurutnya, sesi pembincangan telah diadakan dengan syarikat swasta yang menguruskan sisa pepejal di kawasan pelupusan sampah itu, namun tiada sebarang pampasan diberikan kepada petani terjejas.

"Saya juga mengalami kerugian RM15,000, belum lagi termasuk petani dan pekebun lain.

"Kita pernah bincang dengan pihak berkenaan dan apabila diminta pampasan, mereka beri alasan tidak mampu," katanya ketika meninjau Sungai Batu di Kampung Paya Rumput Jaya di sini pada Rabu.

Pekebun, Rozita Wajiman, 42, mendakwa, tanaman sayuran yang diusahakannya menjadi bantut dan rosak selepas menggunakan sumber air sungai berkenaan.

"Dahulu pendapatan boleh dapat lebih RM4,000 tetapi sekarang hanya cecah RM3,000.

"Itu belum lagi kira kenaikan kos baja dan sebagainya. Harap sungai ini kembali jernih seperti sediakala agar petani dapat menggunakannya," katanya.



ROZITA



Mohamad Ali (tengah) meninjau Sungai Batu di Kampung Paya Rumput Jaya yang tercemar.

Rosnani Rosnin, 39, pula berkata, air sungai berkenaan turut berubah menjadi keruh, malah mengeluarkan bau yang kurang menyenangkan terutama ketika cuaca panas.

Sementara itu, Pengerusi Penyelaras Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan DUN (Japerun), Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad menggesa pihak berkaitan mengambil tindakan lebih tegas terhadap syarikat pelupusan sampah itu agar mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dalam melepaskan bahan kimia dan sisa toksik.

"Kami beri tempoh 14 hari kepada agensi dan jabatan kerajaan untuk mengambil tindakan ke atas syarikat tersebut," katanya.



Air dari Sungai Batu yang bertukar keruh didakwa dicemari sisa toksik dan bahan kimia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/7/2022	KOSMO	NEGARA	14

Nelayan bimbang ikan pemangsa menyebabkan ikan sungai pupus

Alligator garancam Sungai Pahang

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

PEKAN – Selepas baung merah yang merupakan ikan pemangsa luar mula mendominasi Sungai Pahang, kini alligator gar yang mempunyai mulut seakan buaya mula bertapak menguasai sungai terpanjang di Semenanjung itu.

Kedua-dua ikan pemangsa luar negara ini menjadi ancaman kepada ikan-ikan liar sungai Pahang yang diancam kepupusan.

Jika ikan baung merah sehingga berat lebih 50 kilogram berjaya ditangkap di sepanjang sungai Pahang hampir setiap hari. Terbaharu alligator gar dengan gigi yang tajam sudah berjaya dikesan apabila ditangkap di Sungai Pahang dekat Kampung Salong di sini.

Seorang nelayan sungai, Aminullah Salleh, 44, berkata, dia yang telah lebih 20 tahun menjadi nelayan sungai amat terkejut apabila buat pertama kali mendapat ikan alligator gar.

"Ketika pergi melihat taut yang dipasang umpan ikan saya terkejut melihat taut disentuh dan mulanya saya ingatkan buaya tetapi selepas ia mengelupur dan nampak ekor berulah tahu itu adalah sejenis ikan.

"Nasib baik ikan ini tidak menelan umpan dan kali tersangkut di mulut menyebabkan ia tidak



SUNGAI Pahang kaya dengan ikan-ikan liar bermutu dan bernilai tinggi seperti patin dan ketah.



AMINULLAH menunjukkan alligator gar yang termakan umpannya di Sungai Pahang baru-baru ini.

terlepas, inilah kali pertama saya dan penduduk di sini dapat ikan ini," katanya ketika ditemui di Kampung Salong di sini semalam.

Menurutnya ikan dengan berat kira-kira empat kilogram dan panjang kira-kira satu meter itu juga begitu lasak apabila masih hidup meski pun hanya diletakkan di dalam bot gentian kaca tanpa air sebelum dibawa balik pada sebelah tengah hari.

Katanya, ikan berkenaan yang disimpan di dalam kolah babi

di kedai, unkan miliknya masih hidup dan memakan ikan yang dilepaskan di kolah berkenaan.

"Pada masa ini ramal penduduk kampung dan orang luar yang datang melihat ikan ini yang kali pertama ditangkap dari Sungai Pahang. Jika ada yang ingin beli dengan harga yang berpatutan saya mungkin bersedia menjualnya," katanya.

Dalam pada itu, Aminullah yang bergantung kepada ikan sungai sebagai sumber pendapatan berkata, dia dan nelayan sungai lain berasa bimbang kewujudan ikan pemangsa itu.

Jelasnya, perkara itu kerana ikan itu akan menyebabkan populasi ikan sungai lain seperti patin dan ketah akan terjejas.

Katanya, dengan ciri-ciri alligator gar ia dilihat sudah tentu boleh memberikan kesan kepada spesies ikan berharga di sungai Pahang yang semakin berkurangan.

"Saya rasa mungkin ada orang yang pela ikan ini melepaskannya ke sungai, saya risau ia akan menyebabkan banyak ikan sungai berharga lain akan pupus sepertimana ikan patin muncung.

"Pada masa ini hanya ikan patin buah sahaja yang berjaya ditangkap nelayan dan kali terakhir saya dapat patin muncung ialah pada 2005, sekarang sudah tiada lagi," ujarnya.

Ikan pemangsa mampu bertelur sehingga 150,000 biji

PEKAN – Ikan alligator gar yang pernah direkodkan mencapai berat sehingga 159 kilogram boleh menjadi ancaman baharu kepada populasi ikan tempatan khususnya ikan liar bermutu tinggi yang terdapat di sungai-sungai termasuk Sungai Pahang.

Dengan kemampuan bertelur sebanyak 150,000 telur bagi seekor ikan yang boleh menetas dalam tempoh 10 hari ikan ini mampu menawan atau mendominasi Sungai Pahang sekiranya mula membiak.

Malah dengan telurnya yang dikatakan bertoksik ia sudah mula memberi ancaman kepada haiwan lain atau manusia yang memakan telur ikan yang berasal dari lembangan Sungai Mississippi di bahagian Timur Amerika Utara.

Pengarah Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Madya Dr. Amiruddin Ahmad berkata, disebabkan ikan ini makan ikan lain sebagai sumber makanannya ia menjadi ancaman kepada



DR. AMIRUDDIN

populasi ikan tempatan kerana boleh membunuh hampir setiap ikan lain yang lebih kecil sekiranya ikan tersebut mendekatinya.

"Ikan ini tidak mempunyai musuh semulajadi di Malaysia dan oleh itu boleh menjadi invasif dalam masa yang singkat memusnahkan ekosistem dan biodiversiti tempatan.

"Ikan baung ekor merah telah menjadi salah satu spesies yang sering ditangkap oleh pemancing



ALLIGATOR gar mempunyai gigi yang tajam dan panjang didakwa boleh menyerang manusia.

dan nelayan sungai di sepanjang Sungai Pahang dan tidak mustahil ikan alligator gar juga mungkin akan berjaya membiak.

"Habitat yang terdapat di Sungai Pahang sebagai contoh menyediakan sumber yang sesuai dan cukup untuk spesies ikan

tersebut," katanya di sini semalam.

Menurut Amiruddin, alligator gar merupakan ikan terbesar dalam keluarga ikan gar yang pernah direkodkan membesar sehingga berat 159 kilogram dengan panjang tiga meter.

Jelasnya, ikan ini boleh beradaptasi dan mendiami sungai-sungai di Malaysia kerana sungai-sungai dan ekosistem akuatik di negara kita menyediakan habitat yang sesuai untuk ikan ini hidup.

"Ikan ini berupaya bernafas udara, membolehkan ia hidup di tempat yang kandungan oksigen terlarut rendah dan berarus perlahan, ikan ini boleh mendiami tasik dan kolam, takungan air, sungai dan habitat berpayau dengan nilai keasidan yang tidak terlalu tinggi," katanya.

Dalam pada itu mengulas mengenai sama ada ia boleh membahayakan manusia beliau berkata, alligator gar yang mempunyai gigi tajam dan panjang dan naluri pemangsa dikatakan kadang-kadang menyerang manusia dan terdapat laporan mengatakan telur ikan ini beracun.

Justeru katanya, dengan pelbagai kesan negatif akibat kewujudan ikan dengan nama saintifiknya *Atractosteus spatula* ini kawalan ketat perlu bagi mengelakkan daripada terlepas ke perairan awam.

Sambung konsesi Bernas langkah tepat

KUALA LUMPUR: Keputusan syarikat Padiberas Nasional Bhd. (Bernas) menjadi pengimport tunggal beras adalah tepat bagi membantu menstabil dan mengawal bekalan makanan ruiji itu.

Menjelaskan keadaan itu, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ronald Khande berkata, dalam hal ini, terdapat 10 obligasi yang perlu dipenuhi Bernas dalam

membantu golongan pesawah dan petani.

“Itu adalah keputusan tahun 2020 dan sekarang adalah lanjutan Bernas sebagai pengimport tunggal.

“Keputusan kerajaan itu adalah keputusan yang tepat kerana Bernas dipertanggungjawabkan untuk memastikan bekalan beras cukup dan sentiasa berada dalam keadaan yang stabil.

“Konsesi dengan Bernas

bukanlah konsesi yang berat sebelah kerana Bernas diminta untuk memenuhi 10 obligasi antaranya adalah membantu para pesawah,” katanya bagi menjawab soalan tambahan yang dikemukakan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam sidang Dewan Rakyat, semalam.

Terdahulu, Anwar ketika mencelah mempersoal tindakan Kementerian yang menyambung perjanjian konsesi se-

hingga 10 tahun.

Anwar ketika memberi soalan tambahan di Dewan Rakyat berkata, perkara itu tidak sepatutnya berlaku kerana bantuan perlu diberi secara terus kepada pesawah dan orang miskin, bukan melalui tauke besar seperti Bernas.

“Mengapa nak biarkan tauke besar selenggara masalah padi? Perkara ini patut dikaji semula,” katanya.

Perkasa sektor pertanian seperti zaman Pak Lah

SAUDARA PENGARANG,

PERBELANJAAN keperluan asas sebahagian besar rakyat Malaysia kini menunjukkan trend peningkatan ketara. Bagi mereka yang berpendapatan sederhana (M40) dan rendah (B40) serta mempunyai saiz keluarga besar, situasi ini memberikan tekanan yang bukan sedikit.

Justeru, bagi menangani masalah ini dengan lebih berkésan, sudah sampai masanya kebergantungan negara kepada import bekalan makanan dikendurkan. Ini bermakna sektor pertanian dan penternakan perlu dirancarkan kembali memandangkan Malaysia mempunyai tanah subur untuk bercucuk tanam.

Penggunaan tanah kosong perlu dioptimumkan untuk projek pertanian serta hadkan projek pembangunan bukan pertanian yang kini agak berlebih-lebihan. Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi ketika mengambil alih teraju negara pada 2003 pernah menekankan pentingnya sektor pertanian diperkasakan.

Beliau memperkenalkan slogan *Pertanian adalah Perniagaan* bagi mengubah pemikiran petani supaya tidak hanya mengeluarkan hasil tani untuk keperluan hidup semata-mata sebaliknya bagi menjana pendapatan dan meraih kekayaan.

Mengambil kira sejumlah lebih 100,000 hektar tanah terbiar tanpa diusahakan di seluruh negara, maka amat rugi kelebihan tersebut tidak dimanfaatkan sebaik mungkin. Bagi saya, sektor pertanian kita terlalu mengutamakan kelapa sawit dan getah sehingga mengabaikan pengeluaran bahan pertanian lain.

Apa pun, masih belum terlambat untuk memperbaiki keadaan ini. Adalah diharapkan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini untuk tidak mengeluarkan permit import (AP) bagi bahan makanan tertentu dapat merancarkan sektor pertanian domestik.

MOHD. SALLEH OSMAN
Presint 16, Putrajaya



ABDULLAH Ahmad Badawi (tengah) ketika mengambil alih teraju negara pada 2003 pernah menekankan pentingnya sektor pertanian diperkasakan. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/7/2022	UTUSAN MALAYSIA	GAYA TANI	19



INFO

JAMBU AIR

- » Pokok jambu air umumnya malar hijau berupa perdu mencapai ketinggian antara tiga hingga 10 meter, batang-batang pokok bengkok-bengkok dan bercabang dari pangkal pohon, kadang-kadang gemangnya mencapai 50 sentimeter (cm).
- » Buah dihasilkan berupa beri dengan pangkal kecil dan hujung sangat melebar hampir gasing.
- » Kulit buahnya licin dan berwarna merah apabila masak.
- » Buah ini apabila digigit terasa rangup, isinya putih dan ranum berair dengan rasa sedikit masam manis.



WAHID di kebun jambu yang diusahakan sejak lebih 20 tahun lalu di Felda Sungai Sibol. - UTUSAN/ MASTURA SURADI

Dulu pemborong, kini pemilik kebun

Oleh MASTURAH SURADI
ggyalutusan@mediamula.com.my

BERMULA dengan menjual jambu air, seorang peneroka di Felda Sungai Sibol di sini kini memiliki kebunnya sendiri selepas tekad tidak mahu menjadi mangsa 'ditindas' pembekal buah berkenaan.

Wahid Talib, 70, berkata, dia memang minat bertani namun pada awalnya tidak tahu cara untuk terlibat dalam bidang tanaman jambu air itu dan hanya mampu menjadi pemborong sahaja.

Katanya ketika menjadi pemborong dahulu, dia merupakan antara penjual cemerlang kerana mampu menjual 60 bakul jambu air bernilai RM6,000 dalam sehari.

"Masa itu saya jual dengan anak beranak saya. Kami pecah ke beberapa



IDEA tercetus selepas ke Cameron Highlands bila melihat pengunjung masuk ke kebun strawberi dikenakan bayaran.

lokasi untuk habiskan jualan 60 bakul jambu air yang diambil. Ketika itu hanya kami yang mampu menjual sebanyak itu berbanding

pemborong lain. "Sehinggalah satu hari pembekal itu seolah-olah menyekat kami berniaga dengan memberi peibagai



PENGUNJUNG cilik di kebun jambu Wahid.



WAHID bersama salah seorang pengunjung dari Batu Pahat yang datang ke pesta jambunya.

alasan termasuk buah habis selain meletakkan harga amat tinggi yang tidak berbaloi untuk saya jual.

"Situasi itu mendorong saya tanam sendiri jambu air. Niat saya ketika itu jika saya dapat mengusahakan sendiri kebun buah, saya mahu bela nasib bangsa sendiri,"

katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di kebunnya baru-baru ini.

Bapa 11 orang anak itu berkata, bermula dengan 12 pokok, kini kebun ada 162 pokok jambu air pelbagai jenis.

Antaranya jambu madu Taiwan, jarabu loceng, jambu



...ketika itu hampir 3,000 orang datang ke kebun dalam sehari sahaja jambu di kebun saya habis."

gelas dan jambu jamaika.

"Selepas tidak menjual jambu air, saya menjual kuih muih bersama isteri. Pada masa sama jadi guru mengaji. Kebetulan salah seorang anak murid saya (warga Indonesia) adalah pekerja di kebun menanam jambu air.

"Selepas mengetahui apa dilakukan pembekal itu kepada saya, dia secara sukarela mengajar saya cara untuk menanam pokok jambu air, sehingga saya berjaya.

"Segalanya dia ajar kepada saya, dari kaedah menanam hingga kutip hasil," katanya.

Nyata menanam pokok jambu air ini, mudah selain tidak renyah.

TIADA MODAL

Berikutan tiada modal besar, benih pokok jambu air tidak dibeli secara pukal pada ketika itu.

Duit lebih menjual kuih muih digunakan membeli benih jambu air secara sedikit demi sedikit sehingga dapat memenuhkan kebun yang diusahakan atas tanah rizab

Terima sambutan luar biasa

KATANYA sambutan diterima amat luar biasa apabila pengunjung datang dari pelbagai kawasan seperti dari Singapura, Indonesia, Kelantan, Terengganu, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan juga dalam Johor sendiri.

"Memang tidak sangka sambutannya amat menggalakkan. Mulanya anak hanya buka iklan melalui media sosial untuk sekitar kampung kemudian terbuka kepada semua dari mana-mana kawasan.

"Saya masih ingat ketika itu hampir 3,000 orang datang ke kebun dalam sehari sahaja jambu di kebun saya habis," katanya.

Mengulas mengenai

cabaran, kata Wahid sepanjang tempoh lebih 20 tahun mengusahakan kebun jambu airnya itu, dia pernah tidak dapat mengembalikan modal selepas seluruh pokok jambunya tidak menjadi dan tidak menghasilkan buah yang cantik ekoran musim kemarau yang melanda.

"Masa itu musim panas selama tiga bulan. Hujan tidak ada, pokok kekurangan air menyebabkan semua buah jambu tidak cantik, jadi macam cacat. Bila tidak cantik tidak dapat jual maka masa itu memang kami tidak dapat balik modal," katanya lagi mengimbau kisah.



WAHID melayan pengunjung yang mahu membeli jambu air untuk dibawa pulang.

Felda seluas dua ekar itu.

Wahid kini bersyukur kerana kebunnya itu mampu mengeluarkan hasil jambu air lebih satu tan untuk tempoh semusim.

"Pesta jambu dianjurkan selepas berlaku lebihan jambu air yang sudah masak tetapi pasaran tiada. Selepas bersedekah kepada masjid juga saudara mara jambu masih berlebihan.

"Idea juga diambil ketika saya ke Cameron Highlands bila lihat pengunjung masuk ke kebun strawberi dikenakan bayaran dan hendak petik pun kena bayar.

"Saya kemudian beritahu kepada anak-anak untuk anjurkan pesta jambu di mana pengunjung boleh masuk secara percuma. Tak perlu bayar, makan percuma namun jika hendak di bawa pulang barulah dikenakan bayaran," katanya.

Ternyata, langkah ihsannya itu menjadikan lebih ramai pengunjung senang datang ke kebunnya dan menikmati buah secara percuma.

Malah, terdapat juga beberapa lokasi untuk pengunjung berkelah dan menikmati jambu air dengan senang bersama keluarga.



PENGUNJUNG yang datang ke kebun jambu Wahid menikmati jambu air secara percuma.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/7/2022	THE STAR	NEMS	2

Urban farming encouraged but only via proper channels

Perak MB: Follow procedures before using idle government land

PERAK government has reiterated that agricultural activities are not permitted on government land without permission.

However, people are still encouraged to venture into agriculture at suitable sites to meet demand for food, locally and globally, said Perak Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad.

He said the state government had introduced urban farming programmes in many suitable areas.

Land at strategic locations can be utilised to support food security but its use must be implemented or coordinated by the relevant agencies, he said.

"In the context of Section 62 of the National Land Code, approval will be given after applications are made either through the land office, the appointed agency by the state government or by state government-linked companies (GLC) which are willing to offer opportunities to those interested.

"Applications must comply with the conditions, and usually a limit-



Perak government encourages people to venture into agriculture to meet demand for food, locally and globally. — Filepic

ed short-term period is given," he said in reply to an oral question posed by Datuk Maslin Sham Razman (BN-Bukit Chandan) during the state assembly sitting held at Bangunan Perak Darul

Ridzuan in Ipoh.

Maslin had asked whether the state government was willing to allow the use of idle government land, especially plots close to major roads, for farmers to

engage in agricultural activities.

Saarani said that if the plan involved land owned by GLCs, leases could be offered to interested operators.

However, the operators must comply with the terms of the lease so that the efforts were systematic and bound by agreement, especially if the GLCs had plans for development of the plot in the future, he said.

"For any farming plans on reserve land, any interested individual or party can submit an application for lease or rental to the agency appointed as the maintainer of the reserve area.

"In the case of government land, applications either for ownership or temporary occupation licence (TOL) can be submitted to the relevant district and land office," he added.

Saarani said individuals and parties interested in developing the land must obtain prior permission to ensure that the activities carried out met community needs and did not cause disturbance.

2,000ha of Musang King plantations developed in Sabah

KOTA KINABALU: A total of 2,053ha of Musang King durian plantations have been developed in Sabah as of last year, which has increased the income of people in the state, the state legislative assembly was told yesterday.

Sabah Assistant Minister of Agriculture and Fisheries Datuk James Ranib said the durian industry,

especially involving Musang King, was one of the priority crops in the Sabah Maju Jaya development plan 2021 to 2025.

He said under the 12th Malaysia Plan, his ministry, through the state agriculture department, will develop 660ha of Musang King and Black Thorn durian plantations involving 53,460 trees in 20 districts statewide.

"The move is being implemented through the premium durian crop development project, which involves assistance of between RM10,000 and RM25,000 per hectare.

"The assistance provided will include land clearing, quality seedling planting material and agricultural input, fertilisers and farm equipment," he said.

He was replying to a question from Datuk Abdul Ghani Mohamed Yassin (GRS-Nabawan) on the state government's plan to increase the income of the people.

James said through the premium durian crop development project, 660 participants were given basic durian cultivation courses and training at farmer training centres in Sandakan,

Kota Maruduh and Tenom to ensure that durian cultivation was carried out in accordance with good agricultural practices.

He said based on the farm gate price of Musang King at RM30 per kg the gross income per hectare involving 81 Musang King trees per year was RM349,920, with optimal farm management. - Bernama

Sektor agrikomoditi raih manfaat momentum global

Kuala Lumpur: Pandemik COVID-19 yang melanda dunia meninggalkan kesan besar terhadap landskap ekonomi dunia.

Di Malaysia, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memberi impak besar kepada sektor perdagangan atas sebab kebergantungan terhadap tenaga buruh asing.

Ketika ekonomi Malaysia mula bernafas dalam fasa pemulihan negara, cuaca buruk pula menimpa, sehinggakan pengeluaran minyak sawit pada 2021 jatuh ke tahap paling rendah dalam tempoh 15 tahun.

Meskipun diduga pelbagai cabaran, sektor agrikomoditi sendiri teguh dalam memastikan ia terus kukuh.

Sehingga Februari tahun ini, nilai komoditi eksport meningkat sebanyak 5 peratus, iaitu RM31.6 bilion berbanding tempoh yang sama pada 2021.

Menjelang akhir 2021, sektor ini mencapai nilai perdagangan RM270.2 bilion, iaitu peningkatan 39.7 peratus daripada tahun sebelumnya.

Peningkatan ini disumbang kerana nilai komoditi produk berasaskan sawit, berikutnya konflik geopolitik Russia-Ukraine.

Akibat krisis itu, eksport minyak bunga matahari dan minyak bijirin lain dari rantau itu jauh merosot dan menjejaskan rantaian bekalan.

Permintaan global yang terus meningkat secara tidak langsung

mengangkat minyak sawit sebagai alternatif minyak sayuran paling popular.

Lonjakan permintaan global kepada minyak sawit sekali gus menjadikannya minyak sayuran paling mahal di pasaran.

Walaupun harga minyak sawit mentah (MSM) baru-baru ini direkodkan lemah selepas memuncak dalam pasaran global, pakar ekonomi memamalkan, barganya akan kembali meningkat pada separuh kedua 2022, disokong oleh kenaikan harga minyak masak.

Punca pendapatan

Komitmen ke arah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dalam tempoh satu dekad ini, sektor komoditi menjadi punca pendapatan kepada kira-kira 1.3 juta pekebun kecil dan peluang pekerjaan kepada hampir sejuta rakyat Malaysia.

Walaupun faedah sosioekonomi minya luas, industri sawit dan getah Malaysia berdepan pelbagai cabaran termasuk dakwaan buruh paksa oleh media Barat hingga 'menghukum' industri komoditi Malaysia. Selain komitmen antiminyak sawit oleh media Barat yang tidak mengiktiraf khasiat minyak sawit.

Kerajaan Malaysia komited menyangkal dakwaan ini dan bekerjasama secara aktif dengan pihak berkuasa antarabangsa, serta memberi komitmen bertepatan kepada amalan pertanian yang mampan serta progresif.



ANJAJARAN BERKEMERDEKAHAN
MRC
MITEC

EKSPON DAN SIDANG KEMUNCAK
AGRIKOMODITI
ANTARABANGSA
MALAYSIA

26 - 28 JULAI 2022
MALAYSIA INTERNATIONAL TRADE
& EXHIBITION CENTRE, KUALA LUMPUR

9.00 PAGI - 5.00 PEJANG

MEMAJUKAN SEKTOR AGRIKOMODITI DALAM EKOSISTEM LESTARI

MEMAJUKAN SEKTOR AGRIKOMODITI DALAM EKOSISTEM LESTARI

20 500 39 350

KEMALANGAN BERKEMERDEKAHAN BERUSAHA



AKTIVITI

www.mysagricommodity.com



VID-19. Ini juga selaras visi Malaysia untuk menjadi hab agrikomoditi di peringkat global.

Justeru, memanfaatkan momentum pasaran dunia, Ekspo & Sidang Kemuncak Agrikomoditi Antarabangsa Malaysia 2022 (MIACES) membuka peluang kepada peserta industri agrikomoditi tempatan untuk mengembangkan eksport produk mereka ke pasaran baharu.

MIACES akan berlangsung dari 26 hingga 28 Julai di Pusat Dagangan dan Pameran Antarabangsa (MITEC) Kuala Lumpur bakal menyaksikan penyertaan lebih 20 negara dan dijangka menawarkan lebih RM300 bilion nilai eksport.

MIACES sebagai pusat sehenti untuk menyambungkan rantaian bekalan dan permintaan yang merentasi ekosistem tempatan dan global secara keseluruhan; dari pada pengeluaran hasil, inovator, pengeksport dan pengimport, serta pelabur, hinggalah kepada penggubal dasar, penyelidikan dan ahli akademik.

Ekspo ini juga langkah progresif menghubungkan penggiat industri kepada solusi yang inovatif menyumbang ke arah pencapaian SDG.

MIACES 2022 dianjurkan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPOC) dengan sokongan Majlis Getah Malaysia (MRC), Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC).

masa yang tinggi akibat kemelut geopolitik membantu merancaikan sektor agrikomoditi negara.

Pengamalan pertanian moden menerusi penggunaan teknologi akan meletakkan Malaysia di kedudukan yang lebih strategik bagi memacu pembangunan sektor agrikomoditi secara lebih mampan, berdaya saing dan berorientasikan pasaran selaras peningkatan penggunaan pasca CO-

Peranan pasaran yang pesat membangun seperti Malaysia terbukti penting dan kritikal dalam rantaian bekalan global. Walaupun permintaan pasaran se-

21/7/2022

BERITA KOMENTAR 11
HARIAN

Teroka pelbagai pendekatan perkukuh bekalan makanan

Oleh Dr Nurul Suhada Ismail
bhrencana@bh.com.my

Harga barang terus melonjak kesan krisis makanan global, sekali gus memejaskan bekalan makanan dan kemampuan rakyat untuk membelinya. Pada tahun ini, Jabatan Perangkaan menganggarkan 184.4 peratus 552 item makanan dalam 'baku' Indeks Harga Pengguna (IHP) mencatatkan peningkatan.

Dari perspektif pengguna, senario itu membebankan orang ramai apatah lagi inflasi makanan mengalami peningkatan bagi sayur, daging dan ikan yang berpunca kekurangan bekalan makanan serta kenaikan harga makanan ternakan.

Indeks barangan mentah meningkat termasuk daging sebanyak 7.8 peratus; sayur-seyuran (5.0 peratus); susu, keju dan telur (4.7 peratus); minyak serta lemak (4.6 peratus) dan ikan serta makanan laut (4.2 peratus).

Ini menyebabkan masyarakat mula merasai perubahan nilai duit semakin mengecil dan kuantiti barang makanan semakin sedikit walaupun dengan kadar wang sama sebelum ini.

Jika harga barangan makanan berterusan meningkat, pastinya mengurangkan kuasa beli, mengakibatkan perbelanjaan dan meningkatkan kos sara hidup rakyat.

Pada peringkat ini, krisis makanan belum berlaku dengan ketara di negara ini dan masih merekodkan kes terencil. Namun, sekiranya keadaan ini berlanjutan, tidak mustahil negara berdepan krisis makanan lebih kritikal hingga meningkatkan harga barang makanan.

Perlu diingat, pada tahun pertama pandemik, Jabatan Perangkaan merekodkan 12.8 peratus daripada kelompok T20 beralih kepada M40, manakala agihan pendapatan untuk B40 juga menurun daripada 16 peratus kepada 15.9 peratus dan M40 pula (37.2 kepada 36.9 peratus).

Menurut penelitian pakar ekonomi, kenaikan harga barang dijangka terus melonjak berdasarkan situasi semasa. Bank Dunia pada tahun ini, melaporkan harga makanan dijangka meningkat kira-kira 20 peratus sebelum berlaku penyusutan pada tahun depan.

Puncanya, gangguan bekalan makanan, peningkatan kos input makanan dan sekatan dasar di sesebuah negara, sekali gus menjadi amaran serta penanda aras untuk negara dan rakyat menghadapi situasi genting.

Peringkat aktiviti pertanian

Semua tidak terkecuali menerima tempas dan kesan langsung kenaikan harga makanan. Oleh itu, tindakan atau inisiatif seharusnya bersifat strategik serta proaktif bagi memastikan kestabilan sekuriti makanan kepada semua rakyat terjamin. Dari sudut skala makro, pengukuhan bekalan makanan dan kecukupan stok makanan sewajarnya menjadi keutamaan negara. Penggunaan tanah perlu dijalankan secara optimum memandangkan Malaysia memiliki sumber alam subur.

Aktiviti pertanian dan penternakan perlu dipertingkatkan bagi menampung keperluan makanan domestik, sekali gus mengurangkan kebergantungan makanan import.

Suntikan teknologi moden dengan aplikasi tek-



Amalan membeli makanan ketika kenaikan harga makanan harus dirancang sebaiknya. (Foto hiasan)

nologi kecerdasan buatan (AI) wajar diperluaskan kepada kelompok petani dan pengusaha kecil supaya dapat menyumbang dalam kapasiti besar kepada bekalan makanan domestik.

Selain aspek bekalan makanan, kemampuan memperoleh sumber makanan antara faktor menjamin sekuriti makanan. Mekanisme harga makanan perlu dikawal dan dipantau secara konsisten bagi memastikan semua kategori masyarakat mampu membeli makanan.

Santunan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari sudut material, kewangan dan moral mampu menyokong inisiatif dilaksanakan kerajaan. Aksesibiliti masyarakat kepada makanan dapat mengelak masalah kebuluran dan kelaparan.

Masyarakat juga perlu mengubah trend pengukuhan dengan bersederhana untuk mengelak pembaziran makanan. Amalan membeli makanan ketika kenaikan harga makanan harus dirancang sebaiknya dengan mengutamakan makanan keperluan asas berbanding membeli makanan mewah.

Sikap tidak mementingkan diri dalam membuat pembelian stok makanan secara berlebihan paling penting untuk diterapkan dalam kalangan masyarakat kerana apabila situasi pembelian panik berlaku, sudah pasti terdapat kelompok masyarakat tertindas.

Walaupun harga makanan kian meningkat, aspek halal dan kualiti tidak boleh diketepikan. Melalui teknologi rantaian blok dan analisis data raya, ia dapat menjamin kualiti makanan kerana jaluran aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pengilangan dan pengagihan makanan dapat diselia dengan terperinci pihak berkuasa.

Jaminan kestabilan sekuriti makanan sewajarnya dipandang serius dan ditangani bersama semua pihak pada peringkat pembuat dasar, pengeluaran dan pengguna. Sinergi ini penting bagi memastikan kelestarian bekalan makanan mencukupi, aksesibiliti makanan dan kualiti makanan, sekali gus mengelakkan situasi kelaparan dan kekurangan zat besi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/7/2022	UMNO ONLINE	ONLINE	

Azeez Rahim Harap MAFI Bantu Mangsa Banjir Baling, Tanaman Lenyap 100 Peratus

24 jam lalu [Berita Lain](#), [Berita Utama](#)

Facebook Twitter WhatsApp Telegram Email Share

Harap MAFI Bantu Mangsa Banjir Baling, Tanaman Lenyap 100 Peratus

“Mangsa tragedi banjir di Baling khususnya petani dan pesawah hilang punca mata pencarian mereka setelah hasil tanaman mereka lenyap hampir 100 peratus. Oleh itu saya berharap pihak menteri MAFI boleh melihat sedikit cara serta kaedah untuk membantu kawasan banjir di Baling khususnya kami yang berlandaskan pertanian hampir 80 peratus rakyat Baling mencari makan melalui pertanian.



Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim
Ahli Parlimen Baling



WWW.UMNO.ORG.MY WWW.UMNO-ONLINE.MY #KITAMESTIMENANG



KUALA LUMPUR, 20 Julai – Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berharap menteri yang berkaitan melihat kaedah bagaimana untuk membantu mangsa banjir di Baling.

Hal ini kerana, kebanyakan mangsa tragedi tersebut khususnya petani dan pesawah hilang punca mata pencarian mereka setelah hasil tanaman mereka lenyap hampir 100 peratus.



"Yang Berhormat Menteri, Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) yang ada dalam dewan ini, saya nak menyatakan sesuatu perkara berkenaan isu Gunung Inas yang baru-baru ini telah dilanda tragedi bencana di kawasan saya 15 hari yang lalu.

"Hal ini menyebabkan mata pencarian masyarakat di kampung khususnya berkaitan dengan pertanian apatah lagi hasil tanaman padi mereka lenyap 100 peratus di kawasan saya dan tanaman-tanaman lain," katanya semasa sidang parlimen pada sesi petang, semalam.

Katanya lagi, masyarakat di kawasan terbabit juga menghadapi masalah air berkaitan penanaman sawah padi tercemar.

"Saya berharap pihak menteri boleh melihat sedikit cara serta kaedah untuk membantu kawasan kami dalam daerah Baling khususnya kami yang berlandaskan pertanian hampir 80 peratus rakyat Baling mencari makan melalui pertanian," katanya. – *UMNO Online*

Pengeluaran makanan di Kelantan lebih sara diri

Oleh AIN MANAF

LANGKAH Kelantan memberi tumpuan sebagai negeri Jelapang Makanan Negara sejak awal 1990-an, kini membuahkannya dengan mengambil kira data Status Kadar Sara Diri (SSL) 2020.

Status SSL 2020 bagi sumber makanan iaitu beras ialah 208 peratus, kelapa (196 peratus), daging kambing, bebiri (190 peratus), buah-buahan (117 peratus), sayur (98 peratus) dan ikan (93 peratus).

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar **Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail** berkata, pengeluaran beras, buah-buahan dan kambing melebihi tahap sara diri penduduk di negeri itu.

"Usaha tersebut menyelamatkan Kelantan dalam menghadapi situasi kekurangan bekalan makanan sekiranya berlaku krisis," katanya ketika menjawab soalan **Rohani Ibrahim (PAS-Tanjong Mas)** pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan ke-14 di Kota Darulnaim Isnin lepas.

Bagaimanapun bagi memperkasakan lagi usaha tersebut kerajaan negeri mengambil langkah proaktif dengan menubuh Jawatankuasa Induk Sekuriti Makanan.

Jawatankuasa itu ditubuh pada 11 Mei 2022 dipengerusi-

kan Menteri Besar Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob.

Selain itu Jawatankuasa Kerja Sekuriti Makanan Negeri dipengerusikan Setiausaha Kerajaan negeri Dato' Nazran Muhammad.

Jawatankuasa berkenaan melibatkan pelbagai agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan wakil dari Institusi Pendidikan Tinggi berperanan memperhalusi isu-isu berkaitan dan langkah penyelesaian bagi menangani isu kebangkit.

Tuan Mohd Saripudin juga berkata, kerajaan negeri turut mengambil beberapa langkah bagi menjamin sekuriti bekalan makanan sentiasa mencukupi.

Antaranya menyediakan peruntukan khas sebanyak RM10 juta melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan bagi pelaksanaan projek ternakan ayam pedaging tertutup semi automatik dan penternakan lembu secara integrasi di ladang sawit.

"Kita turut mempergiat kempen penglibatan masyarakat dalam sektor pertanian, penternakan dan perikanan seperti **Program Dapur Hijau, Kempen Seed Community, Kempen Penghasilan** dan penyimpanan benih tanaman.

"Selain itu membangunkan program Pembangunan Makanan Ternakan Alternatif Al Falah di Dun sasaran se-



Program melabuh tukun tiruan di peraliran Tok Ball Pasir Puteh.

bagai pusat penghasilan makanan alternatif komuniti," katanya.

Sementara itu bagi meningkatkan sumber perikanan kerajaan negeri menyalurkan pelbagai jenis bantuan kepada nelayan tempatan.

Antaranya peralatan menangkap ikan seperti enjin galah, menggalakkan penggunaan teknologi Sistem Penentuan kedudukan Sejagat (GPS) kepada nelayan pantai negeri Kelantan.

Selain itu bantuan peralatan teknologi, besen plastik dan kerek telaga bagi menternak ikan hiasan. Bantuan lain yang disalurkan kepada nelayan iaitu pukot, sangkar, tong pelampung, kayu, dan besi.

Turut disalurkan peranti pengumpulan ikan (unjam) bagi komuniti perikanan khususnya untuk meningkatkan sumber perikanan di Pasir Puteh, Bachok, Kota Bharu dan Tumpat.

Manakala bagi penternakan ikan air payau dan air tawar diagih benih ikan kap kepala



Penduduk menerima benih kelapa pada program 'Tane Nyor Al Falah di Dun Pasir Tumbuh'.

besar bersaiz 3-4 inci, benih ikan siakap dan benih udang galah.

Sehingga sekarang jumlah nelayan yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan sehingga tahun 2020 berjumlah 5,500 orang meliputi jajahan Kota Bharu, Tumpat, Bachok dan Pasir Puteh.

Tuan Mohd Saripudin berkata, jumlah nelayan di jaja-

han Kota Bharu yang berada di Zon A, B, C seramai 726 orang, manakala di Tumpat pula yang berada di Zon A, B dan C, C2 seramai 1,126 orang.

Di jajahan Bachok pula jumlah nelayan di Zon A, B dan C, C2 seramai 1,040 orang. Di Pasir Puteh jumlah nelayan 2,608 orang merangkumi jumlah nelayan di Zon Zon A, B dan C serta C2.



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail dan Anon Jelawat Abdul Azziz Kadir menyertai Program Igtak Ika Dale Baruti di Pak Mall, Gunong, Bachok.

SIDANG DUN KELANTAN

3,320.09 hektar tanah terbiar diusahakan

Kota Bharu: Sejumlah 3,320.09 hektar daripada 4,814.70 hektar tanah terbiar di negeri ini diusahakan sejak 2006 hingga kini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail

berkata, setiap tahun, peruntukan RM600,000 disediakan di bawah Program Tanah Terbiar untuk Jabatan Pertanian Negeri Kelantan sebelum diagih ke seluruh daerah.

Beliau berkata, had siling bagi Program Tanah Terbiar adalah RM20,000 per hektar.

Jabatan Pertanian ke-

mudiannya akan menegulpasti permohonan daripada petani yang layak serta memenuhi syarat yang ditetapkan untuk dibangunkan dengan tanaman bersesuaian.

“Skop tanaman keutamaaan diberi kepada komoditi yang tersenarai di bawah majlis Tindakan Ekonomi Negara seperti ke-

lapa dan durian. Bagi tanaman kekal, pengusahadigalakkan menanam tanaman selingan sementara menunggu hasil. Contoh, tanaman durian selingan tembikai, katanya.

Beliau menjawab soalan Mohd Nazlan pada sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Kelantan di Kota Darul Naim, semalam.

Sidang Dewan Rakyat

Kerajaan pertahan lanjut tempoh konsesi BERNAS

Tindakan dianggap tepat pastikan bekalan beras stabil, terkawal

Laporan Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan mempertahankan tindakan bagi melanjutkan tempoh konsesi Padi beras Nasional Berhad (BERNAS) sebagai pengimport tunggal beras di negara ini meskipun ia dipertikaikan beberapa pihak.

Menyentuh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Khande, berkata tindakan kerajaan itu adalah tepat bagi memastikan bekalan bahan makanan berkenaan berada dalam keadaan stabil dan terkawal.

"Malah melalui tempoh konsesi itu BERNAS mempunyai 10 obligasi yang mesti dipatuhi sebagai pengimport tunggal beras antaranya membantu pesawah dan petani.

"Kita melanjutkan tempoh

konsesi bagi BERNAS menjadi pengimport tunggal beras melalui keputusan yang diambil pada 2020," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, di sini.

Beliau menjawab soalan-tamahan Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH:Port Dickson) yang mempertikaikan tindakan kerajaan meneruskan dasar monopoli melalui BERNAS sedangkan sepatutnya bantuan perlu diberikan kepada pertubuhan peladang antaranya Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFEAS).

Anwar mendakwa tindakan itu hanya memberikan keuntungan ratusan juta kepada 'tauke besar' dan dasar itu sepatutnya dikaji yang boleh memberi lebih keuntungan buat petani.

Pada masa sama, Ronald berkata, bagi menjamin bekalan makanan negara ini, Kementerian mengambillangkah intervensi termasuk menambah rumah penyembelihan dan loji pemprosesan luar negara bagi meningkatkan dan mempelbagaikan sumber import bekalan ayam dan daging.

Beliau berkata, antara usaha jangka pendek lain ialah meningkatkan pengecualian khas bagi pengambilalihan pekerja asing dalam industri penternakan ayam;

pelaksanaan stok penimbun ayam dan produk ikan serta memudahkan proses pembayaran tuntutan subsidi harga ayam.

Pemudah prosedur import

"Selain itu, kita juga memudahkannya cara prosedur import (IP) melalui penangguhan fi permit dan labuan keutamaan ke atas empat komoditi merangkumi soya, gandum, jagung dan makakan ternakan berasaskan haiwan dan tumbuhan selain menguji mekanisme mengurangkan

kos minyak sawit mentah kepada syarikat pengilangan makanan ternakan," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Seri Redzuan Md Yusof (BERSATU-Alor Gajah) berhubung kaedah mengurangkan import bagi makaman, Ronald berkata, kerajaan melaksanakan dasar menggalakkan tanaman jagung di negara ini.

Beliau berkata, sepanjang tahun lalu negara mengimport RM60,000 bilion bagi makanan ternak seperti jagung dan mil kacang soya.

"Antara sebab kita mengimport jagung itu adalah kerana harganya yang murah iaitu RM600 hingga RM800 bagi setiap tan berbanding tanam. Namun sekarang harganya sudah meningkat kepada RMI,700 hingga RMI,800 bagi setiap tan dan atas dasar itu kita ingin mengeluarkan jagung secara domestik," katanya.

Ronald berkata, agromakanan turut berdepan cabaran apabila sebanyak 40,828 hektar tanaman padi musnah akibat banjir di Sepatu Manjung Malaysia bagi tempoh 2017 hingga 2021. manakala 9,386 hektar pula mengalami kerosakan akibat kemarau dalam tempoh sama.

Melalui tempoh konsesi itu BERNAS mempunyai 10 obligasi yang mesti dipatuhi sebagai pengimport tunggal beras antaranya membantu pesawah dan petani

Ronald Khande, Menteri Pertanian dan Industri Makanan



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/7/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	22

Sidang DUN Kelantan

3,320.09 hektar tanah terbiar diusahakan sejak 2006

Kota Bharu: Seluas 3,320.09 hektar tanah terbiar di Kelantan diusahakan sejak 2006 sehingga kini, kata Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Beliau berkata bagi perancangan jangka pendek melalui peruntukan negeri di bawah Program Tanah Terbiar, sebanyak RM600,000 diperuntukkan kepada semua daerah bagi tujuan itu.

Katanya, siling bagi Program Tanah Terbiar adalah sebanyak RM20,000 per hektar dan Jabatan Pertanian mengenal pasti permohonan daripada petani yang layak serta memenuhi syarat ditetapkan untuk dibangunkan dengan tanaman bersesuaian.

Pantau agenda pembangunan

"Kesemua ketua jajahan dilantik sebagai ahli jawatankuasa bagi menyelaras dan memantau agenda pembangunan tanah terbiar di jajahan seluruh Kelantan sekali gus mengenal pasti serta melengkapkan data kawasan tanah terbiar yang terkini.

"Skop tanaman diberi kepada komoditi yang tersenarai di bawah majlis Tindakan Ekonomi Negara seperti kelapa dan durian. Bagi tanaman kekal digalakkan untuk menanam tanaman selingan sementara menunggu hasil, contohnya tanaman durian selingan tembikai.

"Pihak Jabatan Pertanian akan sentiasa bersama-sama dengan Pejabat Tanah dan Jajahan untuk mengenal pasti lot-lot tanah terbiar bersama pemain industri dalam sektor pertanian dan pemilik tanah untuk dibangunkan di kawasan berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Mohd Nazlan Mohamed Hasbullah (PAS-Limbongan) pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan di Kota Darulnaim, semalam.

Tuan Mohd Saripudin berkata projek yang boleh menjadi ikon pembangunan tanah terbiar di Kelantan adalah tanaman kelapa di Gong Tengah, Semerak dan tanaman durian di Kampung Cheker, Pisang Menggala, Pasir Putih.

"Melalui Jawatankuasa Induk Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau, semua ketua jajahan dilantik sebagai ahli jawatankuasa bagi menyelaras dan memantau agenda pembangunan tanah terbiar di setiap jajahan seluruh Kelantan sekali gus mengenal pasti dan melengkapkan data kawasan tanah terbiar yang terkini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/7/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

Isu rantai bekalan makanan antara tumpuan Dewan Rakyat hari ini

Julai 20, 2022 @ 9:41 am



FOTO NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

KUALA LUMPUR: Persoalan mengenai cabaran dihadapi sektor agromakanan dalam memastikan rantai bekalan makanan negara kekal stabil dan lancar, merupakan antara topik dijangka menjadi tumpuan pada persidangan Dewan Rakyat, hari ini.

Menurut Aturan Urusan Mesyuarat (AUM) dalam laman sesawang rasmi Parlimen, soalan itu diajukan Datuk Ahmad Nazlan Idris (BN-Jerantut) kepada Menteri Pertanian dan Industri Makanan pada sesi Pertanyaan Bagi Jawab Lisan.

Charles Anthony Santiago (PH-Klang) pula bertanya Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sama ada kementerian itu mempunyai rancangan untuk memperkenalkan cuti haid dan subsidi tuala wanita sebagai sebahagian daripada perlindungan sosial untuk wanita daripada keluarga B40.

Tumpuan juga dijangka diberikan kepada soalan Shaharizukirnain Abd Kadir (PAS-Setiu) yang bertanya kepada Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya mengenai sejauh mana konsep Pelancongan Islamik diketengah dalam memajukan sektor pelancongan di Malaysia.

Isu mengenai masalah 'bank scam' yang kerap berlaku membabitkan wang dalam akaun pendeposit bank dipindah tanpa pengetahuan pula disentuh Chong Chieng Jen (PH-Stampin) melalui soalan yang diajukan kepada Menteri Kewangan.

Beliau bertanya mengenai dasar serta langkah akan diambil kerajaan dan Bank Negara Malaysia bagi mengatasi perkara itu, selain langkah untuk memulihkan keyakinan rakyat terhadap keselamatan wang mereka di bank.

Turut dijangka menjadi tumpuan ialah sesi pembentangan untuk bacaan kali pertama bagi 10 Rang Undang-Undang (RUU), antaranya RUU Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2022, RUU Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2022 dan RUU Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Pindaan) 2022.

Selesai sesi itu, persidangan akan diteruskan dengan menyambung perbahasan RUU Antigangguan Seksual 2021.

Persidangan Dewan Rakyat kali ini berlangsung selama 12 hari hingga 4 Ogos depan. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/7/2022	THE SUN	MUKA DEPAN	1

theSun

TELLING IT AS IT IS

ON THURSDAY

JULY 21, 2022

No. 8070 PP 2644/12/2012 (031195)

www.thesundaily.my

INSIDE

Car servicing takes back seat in bad times

page

2

'Get legal advice before suing over property issues'

page

3

HAY HEN ... One of the many padi straw sculptures taking shape in Kampung Terus, Penanti in Seberang Perai for a competition organised as part of the three-day Penang International Padi Festival beginning tomorrow.
- MASRY CHE ANI/THESUN



No to profanity